| BMFA2423 | Instrumentasi & Kawalan | 3 | 2 | 3 |
| BMFG2823 | Mekanik Gunaan | 3 | 2 | 3 |
| BMFS2513 | Proses Pembuatan I | 3 | 2 | 3 |
| BMFP2513 | Kejuruteraan Industri | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 18 |

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) 25

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|----------------------------|-----------|---------------|-----------------|
| | | | Kuliah | Amali/ Tutorial |
| BACW2321 | Ko-Kurikulum II | 1 | 0 | 3 |
| BACW2312 | TITAS II | 2 | 2 | 0 |
| BACW2412 | Technical Communication II | 2 | 2 | 0 |
| BMFR2123 | Rekabentuk Mesin | 3 | 2 | 3 |
| BMFA2443 | Kuasa Bendalir | 3 | 2 | 3 |
| BMFS2523 | Proses Pembuatan II | 3 | 2 | 3 |
| BMFP2522 | Kualiti & Kebolehpercayaan | 2 | 1 | 3 |
| | Total | 16 | 11 | 15 |

Tahun Tiga
Semester Satu


| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|---------------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG3912 | Komunikasi & Persembahan Projek | 2 | 1 | 3 |
| BMFS3363 | Teknologi Mesin Peralatan | 3 | 2 | 3 |
| BMFS3373 | Teknologi CNC | 3 | 2 | 3 |
| BMFP3543 | Metrologi Kejuruteraan | 3 | 2 | 3 |
| BMFP3523 | Pengurusan Kualiti | 3 | 2 | 3 |
| BMFP3533 | Perancangan & Kawalan Pembuatan | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 18 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Penemuan | |
|----------|----------------------------------|-----------|--------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG4912 | Keusahawanan Perniagaan | 2 | 1 | 3 |
| BMFP4512 | Pengurusan Industri & Kos | 2 | 1 | 3 |
| BMFG4923 | Projek Sarjana Muda II | 3 | 0 | 9 |
| BMFP4573 | Undang-undang Industri & O.S.H.A | 3 | 2 | 3 |
| BMFP4533 | Pengurusan Operasi | 3 | 2 | 3 |
| BMFP4583 | Ekonomi Pembuatan | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 16 | 8 | 24 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|--------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG3926 | Latihan Industri | 6 | 0 | 30 |
| BMFG3946 | Laporan Latihan Industri | 6 | 0 | 30 |
| | Total | 12 | 0 | 60 |



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

Tahun Empat
Semester Satu

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|---------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG4812 | Jurutera Dalam Masyarakat | 2 | 2 | 0 |
| BMFG4913 | Projek Sarjana Muda I | 3 | 0 | 9 |
| BMFP4543 | Pengurusan Projek | 3 | 2 | 3 |
| BMFP4553 | Pengurusan Sumber Manusia | 3 | 2 | 3 |
| BMFP4593 | Ergonomik Industri | 3 | 2 | 3 |
| BMFP4563 | Strategi Pembuatan | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 10 | 21 |

MALAYSIA MELAKA

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan)

| | Tahun 1 | | Tahun 2 | | Tahun 3 | | Tahun 4 | |
|------------------|--|-------------------------------|------------------------------|--------------------------------------|---|------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 |
| Wajib-Universiti | Falsafah Sains & Teknologi BACW 1332 | Ko-Kurikulum I BACW 1321 | | Ko-Kurikulum II BACW 2321 | Komunikasi & Persembahan Projek BMFG 3912 | Latihan Industri BMFG3926 | Projek Sarjana Muda I BMFG 4913 | Projek Sarjana Muda II BMFG 4923 |
| | Technical Communication BACW1412 | Titas I BACW 1312 | | Titas II BACW 2312 | | Laporan Latihan Industri BMFG 3946 | | |
| | Matematik Kejuruteraan BACS 1213 | | | Technical Communication II BACW 2412 | | | | |
| | Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia BACW 1322 | | | | | | | |
| Teras Fakulti | Fizik BACS 1242 | Kimia BACS 1232 | Termo-Bendalir BMFG 2813 | Reka Bentuk Mesin BMFR 2123 | Metrologi Kejuruteraan BMFP3543 | | Ergonomik Industri BMFP4593 | Keusahawanan Perniagaan BMFG 4912 |
| | Prinsip Elektrik & Elektronik BENG 1113 | Persamaan Pembezaan BACS 1223 | Bahan Kejuruteraan BMFB 2212 | Kuasa Bendalir BMFA 2443 | Teknologi CNC BMFS 3373 | | Jurutera Dalam Masyarakat BMFG 4812 | Pengurusan Industri & Kos BMFP 4512 |

Jadual Kurikulum

27

| | | | | | | | | |
|--------------------|-----------------------------------|--------------------------------------|-----------------------------------|--|---|----|-------------------------------------|---|
| | Pengaturcaraan Komputer BITG 1113 | Grafik Kejuruteraan & CADD BMFR 1113 | Instrumentasi & Kawalan BMFA 2423 | Proses Pembuatan II BMFS 2523 | | | | Undang-Undang Industri & O.S.H.A. BMFP 4573 |
| | | Amalan Pembuatan BMFS 1313 | Mekanik Gunaan BMFG 2823 | Kualiti dan Kebolehpercayaan BMFP 2522 | | | | |
| | | Statistik & Kebarangkalian BACS 2213 | Proses Pembuatan I BMFS 2513 | | | | | |
| | | | Kejuruteraan Industri BMFP 2513 | | | | | |
| Teras Program | | | | | Pengurusan Kualiti BMFP 3523 | | Pengurusan Projek BMFP 4543 | Pengurusan Operasi BMFP 4533 |
| | | | | | Perancangan & Kawalan Pembuatan BMFP 3533 | | Pengurusan Sumber Manusia BMFP 4553 | Ekonomi Pembuatan BMFP4583 |
| | | | | | *Teknologi Mesin Peralatan BMFS 3363 | | Strategi Pembuatan BMFP 4563 | |
| Jumlah Kredit/ Sem | 17 | 17 | 17 | 16 | 17 | 12 | 17 | 16 |
| JUMLAH | 129 | | | | | | | |

6.5 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan)

Untuk memastikan graduan menguasai ilmu yang berkaitan, silibus dan kurikulum bahan kejuruteraan memberi penekanan terhadap aspek proses pembuatan secara keseluruhan, pemilihan bahan dan kelakuan bahan dalam perkhidmatan.

Kursus ini menyediakan makmal yang dilengkapi dengan peralatan yang canggih dan terkini sesuai dengan konsep integrasi teori dan amali.

Ianya berorientasikan latihan-amal yang merupakan teras pembelajaran dan pengajaran yang diamalkan oleh universiti.

Setelah menamatkan pengajian, graduan yang dihasilkan oleh jabatan ini mempunyai prospek yang tinggi dalam pasaran pekerjaan yang meliputi semua bidang yang berkaitan dengan bahan kejuruteraan. Contoh kerjaya yang boleh diceburi adalah Jurutera Proses, Jurutera Bahan, Jurutera Produk dan Jurutera Kawalan Kualiti.

28 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan)

Di samping itu, graduan juga berpotensi luas untuk menceburi bidang penyelidikan dan pembangunan yang mana kepakaran dalam bidang bahan kejuruteraan adalah amat diperlukan untuk membangun dan menghasilkan bahan-bahan termaju demi kemajuan negara.

Jadual semester mata pelajaran Tahun Satu Semester Satu

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|-----------|------------------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BACW1332 | Falsafah Sains dan Teknologi | 2 | 2 | 2 |
| BACW1412 | Technical Communication I | 2 | 1 | 2 |
| BACSI213 | Matematik Kejuruteraan | 3 | 2 | 3 |
| BACSI242 | Fizik | 2 | 1 | 2 |
| BACW1322 | Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia | 2 | 2 | 0 |
| BENGI113 | Prinsip Elektrik & Elektronik | 3 | 2 | 3 |
| BITG 1113 | Pengaturcaraan Komputer | 3 | 1 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 15 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|----------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BACW1321 | Ko-Kurikulum I | 1 | 0 | 3 |
| BACW1312 | TITAS I | 2 | 2 | 0 |
| BACSI232 | Kimia | 2 | 2 | 0 |
| BACSI223 | Persamaan Perbezaan | 3 | 2 | 3 |
| BMFRI113 | Grafik Kejuruteraan & CADD | 3 | 2 | 3 |
| BMFS1313 | Amalan Pembuatan | 3 | 1 | 8 |
| BACS2213 | Statistik Kebarangkalian | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 20 |

Tahun Dua

Semester Satu

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|-------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG2813 | Termo-Bendalir | 3 | 2 | 3 |
| BMFB2212 | Bahan Kejuruteraan | 2 | 1 | 3 |
| BMFA2423 | Instrumentasi & Kawalan | 3 | 2 | 3 |
| BMFG2823 | Mekanik Gunaan | 3 | 2 | 3 |
| BMFS2513 | Proses Pembuatan I | 3 | 2 | 3 |
| BMFP2513 | Kejuruteraan Industri | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 18 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|----------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BACW2321 | Ko-Kurikulum II | 1 | 0 | 3 |
| BACW2312 | TITAS II | 2 | 2 | 0 |
| BACW2412 | Technical Communication II | 2 | 2 | 0 |
| BMFR2123 | Rekabentuk Mesin | 3 | 2 | 3 |
| BMFA2443 | Kuasa Bendalir | 3 | 2 | 3 |
| BMFS2523 | Proses Pembuatan II | 3 | 2 | 3 |
| BMFP2522 | Kualiti & Kebolehpercayaan | 2 | 1 | 3 |
| | Total | 16 | 11 | 15 |

Semester Satu

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|---------|---------------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| IFG3912 | Komunikasi & Persembahan Projek | 2 | 1 | 3 |
| IFB3213 | Teknologi Plastik | 3 | 2 | 3 |
| IFB3223 | Metalurgi Mekanikal | 3 | 2 | 3 |
| IFP3543 | Metrologi Kejuruteraan | 3 | 2 | 3 |
| IFB3113 | Pemproses Mikro | 3 | 2 | 3 |
| IFB3233 | Bahan Polimer | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 11 | 18 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|----------|----------------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| BMFG4912 | Keusahawanan Perniagaan | 2 | 1 | 3 |
| BMFG4512 | Pengurusan Industri & Kos | 2 | 1 | 3 |
| BMFG4923 | Projek Sarjana Muda II | 3 | 0 | 9 |
| BMFB4573 | Undang-undang Industri & O.S.H.A | 3 | 2 | 3 |
| BMFB4243 | Bahan Seramik | 3 | 2 | 3 |
| BMFS4353 | Prose Pembuatan Termaju | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 16 | 8 | 24 |

Semester Dua

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|---------|--------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| IFG3926 | Latihan Industri | 6 | 0 | 30 |
| IFG3946 | Laporan Latihan Industri | 6 | 0 | 30 |
| | Total | 12 | 0 | 60 |

Semester Satu

| Kod | Matapelajaran | Kredit | Jam Pertemuan | |
|---------|---------------------------|-----------|---------------|----------------|
| | | | Kuliah | Amali/Tutorial |
| IFG4812 | Jurutera Dalam Masyarakat | 2 | 2 | 0 |
| IFG4913 | Projek Sarjana Muda 1 | 3 | 0 | 9 |
| IFB4213 | Kejuruteraan Kakisan | 3 | 2 | 3 |
| IFB4223 | Metalurgi Gunaan | 3 | 2 | 3 |
| IFB4233 | Komposit & Bahan Termaju | 3 | 2 | 3 |
| IFP4593 | Ergonomik Industri | 3 | 2 | 3 |
| | Total | 17 | 10 | 21 |



اونيورسيتي تيكنيكي
MALAYSIA MELAKA

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan)

| | Tahun 1 | | Tahun 2 | | Tahun 3 | | Tahun 4 | |
|-----------------------------|---|----------------------------------|---------------------------------|---|---|---------------------------------------|--|--|
| | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 | Semester 1 | Semester 2 |
| Wajib Universiti | Falsafah Sains & Teknologi BACW 1332 | Ko-Kurikulum I BACW 1321 | | Ko-Kurikulum II BACW 2321 | Komunikasi & Persembahan Projek BMFG 3912 | Latihan Industri BMFG3926 | Projek Sarjana Muda I BMFG 4913 | Projek Sarjana Muda II BMFG 4923 |
| | Technical Communication BACW1412 | Titas I BACW 1312 | | Titas II BACW 2312 | | Laporan Latihan Industri BMFG 3946 | | |
| | Matematik Kejuruteraan BACS 1213 | | | Technical Communication II BACW 2412 | | | | |
| | Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia BACW 1322 | | | | | | | |
| Teras Fakulti | Fizik BACS 1242 | Kimia BACS 1232 | Termo-Bendalir BMFG 2813 | Reka Bentuk Mesin BMFR 2123 | Metrologi Kejuruteraan BMFP3543 | | Jurutera Dalam Masyarakat BMFG 4812 | Keusahawanan Perniagaan BMFG 4912 |
| | Prinsip Elektrik & Elektronik BENG 1113 | Persamaan Pembezaan BACS 1223 | Bahan Kejuruteraan BMFB 2212 | Kuasa Bendalir BMFA 2443 | | | Ergonomik Industri BMFP4593 | Pengurusan Industri & Kos BMFP 4512 |

30 Jadual Kurikulum

| | | | | | | | | |
|--------------------------|--------------------------------------|---|--------------------------------------|--|---------------------------------|-----------|--------------------------------------|--|
| | Pengaturcaraan Komputer BITG 1113 | Grafik Kejuruteraan & CADD BMFR 1113 | Instrumentasi & Kawalan BMFA 2423 | Proses Pembuatan II BMFS 2523 | | | | Undang-Undang Industri & O.S.H.A. BMFP 4573 |
| | | Amalan Pembuatan BMFS 1313 | Mekanik Gunaan BMFG 2823 | Kualiti dan Kebolehppercayaan BMFP 2522 | | | | Proses Pembuatan Termaju BMFS4353 |
| | | Statistik & Kebarangkalian BACS 2213 | Proses Pembuatan I BMFS 2513 | | | | | |
| | | | Kejuruteraan Industri BMFP 2513 | | | | | |
| Teras Program | | | | | Metalurgi Mekanikal BMFB3223 | | Kejuruteraan Kakisan BMFB 4213 | Bahan Seramik BMFB 4243 |
| | | | | | Bahan Polimer BMFB3233 | | Metalurgi Gunaan BMFB 4223 | |
| | | | | | *Pemproses Mikro BENG 3113 | | Komposit & Bahan Termaju BMFB4233 | |
| | | | | | Teknologi Plastik BMFB 3213 | | | |
| Jumlah Kredit/Sem | 17 | 17 | 17 | 16 | 17 | 12 | 17 | 16 |
| JUMLAH | 129 | | | | | | | |

6.5 Silibus Ijazah Sarjana Muda

6.5.1 Tahun 1

6.5.1.1 Wajib Universiti

Falsafah Sains dan Teknologi (BACW 1332)

Objektif

- Memahami prinsip dan falsafah sains dan teknologi dalam konteks tamadun Islam dan pembangunan negara
- Menganalisa kesan sains dan teknologi ke atas tamadun Islam dan umat sejangat
- Membuat perbandingan antara tamadun dahulu dan sekarang dari segi konsep, kesan dan pencapaian sains dan teknologi

Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu pengetahuan, falsafah, sains dan teknologi dalam Islam; konsep dan kejayaan tamadun Islam dalam matematik, astronomi, geografi, fizik, kimia, farmasi, perubatan; konsep kosmologi perubatan; dan Islam serta isu-isu semasa termasuk pembangunan ICT yang terbaru

Rujukan

- Ramli Awang, 2003, *Philosophy of Science & Technology*, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
- Sulaiman Nordin, 1995, *Sains Menurut Perspektif Islam*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sulaiman Nordin, 1993, *Sains, Falsafah dan Islam*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Persamaan Pembezaan (BACS 1223)

Objektif

Meningkatkan kecekapan dan kefahaman pelajar dalam proses penyelesaian persamaan terbitan biasa dan separa untuk digunakan dalam penyelesaian masalah kejuruteraan

Sinopsis

Persamaan Terbitan Linear peringkat ke-2 dengan Pekali Malar, Penjelmaan Laplace, Siri Fourier dan Persamaan Terbitan Separa

Rujukan

- William E. Boyce dan Richard C. DiPrima, *Elementary Differential Equations and Boundary Value Problems*, John Wiley & Sons, 5th ed., 1992
- Abdul Wahid Md Raji, Hamisah Rahmat dan Mohd Nor Mohamad, *Persamaan Terbitan Biasa*, Jabatan Matematik UTM
- Abdul Wahid Md Raji, Hamisah Rahman dan Mohd Nor Mohamad, *Penjelmaan Laplace*, Jabatan Matematik UTM

Technical Communication I (BACW 1412)

Objektif

- Menerap kebolehan pelajar untuk membuat ayat-ayat yang betul dari segi tatabahasa sama ada secara bertulis atau percakapan seharian bagi meningkatkan kefasihan kemahiran bahasa bagi tujuan akademik atau sosial.
- Memperbaiki kebolehan mendengar dan menangani maklumat yang perbagai dalam dari maklumat input yang diterima secara lisan
- Berkomunikasi dengan efektif dalam berbagai situasi, tujuan dan penonton
- Berkemahiran dalam proses penulisan berbagai jenis karangan

Sinopsis

Silibus kursus ini direka bagi membantu pelajar dalam memperbaiki kefasihan berbahasa Inggeris dan berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan sama ada secara lisan ataupun bertulis. Lima aspek penting seperti tatabahasa, mendengar, bertutur, membaca dan menulis diajar dalam pendekatan yang berintegrasi bagi meningkatkan tahap percaya pada diri sendiri untuk menjadi jurucakap dalam Bahasa Inggeris sama ada di Universiti ataupun di tempat kerja.

Rujukan

- Hartmann P., Blass L. (1999), *Quest: Reading and Writing in the Academic World, Book 3*, International Editions, McGraw Hill: Singapore
- Koh S.L and Tan S.L. (2003), *Grammar Made Easy*, Prentice Hall: Kuala Lumpur
- Language Center Universiti Teknologi MARA (2003), *Vision Focus on Grammar*, McGraw Hill: Kuala Lumpur

Matematik Kejuruteraan (BACS 1213)

Objektif

Kursus ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan kefahaman pelajar dalam kalkulus fungsi dengan beberapa pemboleh ubah dan kalkulus fungsi vektor

Sinopsis

Fungsi dengan beberapa Pemboleh Ubah, Kamiran Berganda, Fungsi Bernilai Vektor

Rujukan

- Halijah Osman et. Al., *Kalkulus dan Geometri Analisis Edisi 7*, Penerbit UTM
- Finney, Weir, Giordano, Thomas, *Calculus 10th Edition*, Addison Wesley, 2001
- H. Anton, *Calculus 4th Edition*, John Wiley, 1992

Pembangunan Sosio Ekonomi Malaysia (BACW 1322)

Objektif

- Memberikan pendedahan komprehensif kepada pelajar tentang proses transformasi sosial dan pembangunan ekonomi Malaysia
- Memberi kefahaman kepada pelajar tentang peranan dan pengaruh tenaga penggerak sosial ke atas pertumbuhan dan pembangunan ekonomi
- Meningkatkan kefahaman tentang nilai perpaduan penduduk berbilang bangsa untuk mengekalkan kestabilan dan ekonomi

Sinopsis

Pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia adalah hasil proses sejarah panjang. Dalam proses ini berlaku tindak balas masyarakat dan kerajaan terhadap pengaruh luaran dan juga dalaman. Hasilnya kini Malaysia muncul sebagai salah sebuah negara dunia ketiga yang paling berjaya dengan pencapaian ekonomi yang mampan pada kadar 5.7% setahun. Kursus ini menekankan peranan masyarakat dan persekitaran serta sains dan teknologi adalah fenomena yang tumbuh dan berkembang seiring dengan masyarakat dan persekitarannya.

Rujukan

1. Ahmad Shukri Mohd Nain & Rosman Md. Yusoff (2003), *Konsep, Teori, Dimensi dan Isu Pembangunan*, Skudai: Penerbit UTM
2. Aziz Deraman, (2001), *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, Suatu Analisis Perkembangan dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
3. Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan (1999), *Ekonomi Malaysia*, Selangor, Longman

Ko-Kurikulum I (BACW 1321)

Objektif

- (a) Melahirkan graduan yang aktif dan berwibawa dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.
- (b) Menanamkan semangat jati diri dan ketahanan pada diri pelajar.
- (c) Mewujudkan semangat kerjasama dalam mengurus, merancang dan melaksanakan aktiviti.
- (d) Membina kepimpinan diri pelajar.

Sinopsis

- (a) Permainan
Hoki, Bola Sepak, Ragbi, Bola Jaring, Badminton, Takraw
- (b) Persatuan
Persatuan Bulan Sabit Merah / St. John, ROTU, Pengakap Kelana, Puteri Islam, Pertahanan Diri
- (c) Pendidikan Luar
'Orientering'/'Compass Marching', 'Abseling'/'Flying Fox', 'Water Safety'/'Berkayak', 'Survival Skills'

Tamadun Islam dan Tamadun Asia I (TITAS I) (BACW 1312)

Objektif

- (a) Memupuk persefahaman dan penghayatan nilai-nilai universal di kalangan pelajar
- (b) Memperkukuh jati diri bertamadun melalui semangat toleransi
- (c) Menghayati nilai hidup bertamadun tinggi ke arah melahirkan masyarakat madani
- (d) Menyediakan pelajar dengan konsep sebenar Jihad
- (e) Melahirkan graduan yang mempunyai nilai dan kemahiran generik yang tinggi dan berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab secara profesional

Sinopsis

Kursus ini terbahagi kepada 2 bahagian besar. Bahagian pertama memperkenalkan kepada pelajar tentang tamadun. Ia merangkumi definisi tamadun berdasarkan pandangan Islam dan barat, perbandingan dari segi ciri-ciri tamadun masing-masing, faktor yang mempengaruhi bangun dan jatuhnya sesuatu tamadun, interaksi tamadun serta persamaan dan perbezaan antara tamadun. Bahagian kedua menumpukan kepada tamadun Islam. Ia membincangkan permulaan dan banggunya Islam dan tamadunnya, pandangan dunia terhadap Islam, sumber tamadun Islam, menifestasi konsep Universiti dalam Islam, pusat ilmu pengetahuan, ekonomi, politik dan sosial Islam, jihad dalam Islam dan kesan globalisasi terhadap Islam

Rujukan

1. Hasan Kasan, Nasaruddin Yunos & Nazri Muslim (pnyt), 2003, *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia "A"*, Selangor: Pusat Pengajian Umum UKM
2. Mohd Arip Kasmu, Mohd Sabri Haron & Abdul Salam Yusoff (pnyt), 2003, *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia "B"*, Selangor: Pusat Pengajian Umum UKM
3. Mohd Nasir Ripin, Abdullah Sulong & Zulkiflee Haron (pnyt), 2003, *Islamic Civilization and Asian Civilization 1*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia

6.5.1.1 Teras Fakulti

Fizik (BACS 1242)

Objektif

Memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar tentang asas-asas fizik, Magnet, Elektrik, Gelombang yang berkaitan bidang kejuruteraan Pembuatan.

Sinopsis

Mekanik, Optik Geometri, Jirim dan Haba, Keelektrikan dan Kemagnetan, Ayunan dan Gelombang, Atom dan Nukleus.

Rujukan

1. D.C. Giancoli, *Physics for Scientists & Engineers*, 3rd ed., Prentice Hall
2. D. Halliday, R. Resnick, J. Walker, *Fundamental of Physics*, 6th ed., Wiley
3. J. Sanny, W. Moebis, *University Physics*, McGraw Hill

اوپنیر یونیورسٹی کینیڈا ملایا *Kimia (BACS 1232)*

Objektif

Memberi pendedahan dan kefahaman kepada pelajar tentang asas-asas kimia, struktur elektron dan pengenalan kepada kimia organik.

Sinopsis

Jirim, atom dan pepejal. Stoikiometri. Sifat-sifat gas. Keseimbangan kimia. Termokimia. Kajian unsur-unsur biasa. Struktur elektron dan jadual berkalaan. Keseimbangan fasa. Kinetik kimia. Pengenalan kimia organik.

Rujukan

1. Raymond Chang (2002), Chemistry, 7th ed., McGraw Hill
2. Halimaton Hamdan, Hanim Awab & Mohd Nazlan Mohd Muhid (2001), Chemistry Asas Sains dan Kejuruteraan, Halimaton Hamdan, Johor Bahru
3. Masterton, W.L. and Hurley, C.N. (2001), Chemistry; Principle and Reactions, 4th edition, Harcourt College Publishers

Rujukan

1. Mohd Fadzil Daud dan Khairul Anwar Hanafiah, *Lukisan Kejuruteraan: Panduan Asas* Penerbit UTM, 2000
2. Mohd Ramzan Mainal, Badri Abdul Ghani, dan Yahya Samian; *Lukisan Kejuruteraan Asas Edisi ke-2*, Penerbit UTM, 1988/97
3. Giesecke, Mitchell, Spencer, Hill, Dygdon, Novak; *Technical Drawing 12th edition*, Prentice Hall, 2002

Grafik Kejuruteraan & CADD (BMFR 1113)

Objektif

Subjek ini diperkenalkan supaya pelajar dapat belajar dan menggunakan komputer sebagai satu alat dan kaedah untuk menyatakan sesuatu maklumat kejuruteraan. Komputer di guna untuk menghasilkan lukisan teknikal dan lukisan kejuruteraan serta menyelesaikan masalah kejuruteraan secara bergraf.

Sinopsis

Teori asas perhubungan garis yang melibatkan unjuran ortografi, pandangan tambahan dan unjuran bergambar. Aspek rekabentuk dan lukisan termasuk dimensi, toleren, pandangan keratan, benang, pengikat dan lukisan kerja. Penggunaan geometri secara bergambar, mencari panjang sebenar, hubungan antara garis dengan satah, persilangan pepejal, permukaan dan keratan kon. Grafik komputer dalam 2-D dan 3-D. Piawai lukisan kejuruteraan. Kerangka wayar, permodelan pepejal dan unjuran. Sistem rekabentuk bersepadu. Penggunaan perisian AutoCAD dalam kuliah dan makmal.



Prinsip Elektrik dan Elektronik (BENG 1113)

Objektif

Subjek ini memperkenalkan prinsip asas elektik dan elektronik. Pada akhir kursus, pelajar akan mempunyai asas yang kuat bagi kursus-sursus elektrik dan elektronik akan datang.

Sinopsis

Pengenalan. Analisis litar, keadaan transien dan mantap. Teknik analisis. Litar mudah mikroprocessor bagi perkakas (hardware) dan perisian (software). Antaramuka mikroprocessor kepada peranti ingatan tetap dan berubah (volatile and non-volatile memory) kepada peranti keluar-masuk secara selari dan siri. Peranti digital logik. Atur cara Bahasa Assembly. Denyutan dan litar elektronik. Transistor deket. Pembinaan mudah sistem komputer mikro menggunakan processor mikro, RAM, EPROM, peranti masuk-keluar dan sistem operasi bahasa assembly. Keselamatan dalam makmal. Pengesanan penyelesaian secara matematik.

Rujukan

1. Thomas L. Floyd, 2004., Electronics Fundamentals: Circuits, Devices, and Application, Pearson Education International
2. Edward Hudes, 2002, Electrical & Electronic Technology, Prentice Hall.
3. Grob B., 1997, Basic Electronics (8th Edition), McGraw Hill.

Pengaturcaraan Komputer (BITG 1113)

Objektif

Dalam kursus ini pelajar akan diperkenalkan mengenai konsep pengkomputeran, teknik pengaturcaraan, kitar hayat perisian, pemboleh ubah, pengecam, jenis data asas, operator, syarat, gelung, fungsi, rentetan, aksara, tatasusunan, penunjuk, penggunaan fail luaran, enum, union dan struktur

6.5.1.2 Teras Program

Amalan Pembuatan (BMFS 1313)

Objektif

Bagi melatih pelajar mengguna alat pertukangan asas dan termaju yang lazim ditemui dalam woksyp umum. Pelajar perlu mempersembahkan produk secara individu dan berkumpulan untuk tujuan penilaian.

Sinopsis

Sistem ukuran dan toleran. Alat-alat mengukur. Bahan produk. Perancangan kerja. Operasi dan keselamatan tempat kerja. Kesihatan pekerja. Operasi dan ciri pematongan dan pembuangan bahan termasuk gergaji, mesin larik, mesin milling, mesin pembentuk, mesin pencanai. Piawai produk dan ketepatan. Kerja-kerja rekabentuk mudah, membuat corak (*pattern*) dan menuang.

Rujukan

1. Kibbe, Neely, Meyer & White, *Machine Tool Practices*, 5th Edition, Prentice Hall, 1995.
2. Ron Moore, *Making Common Sense Common Practice, models for manufacturing excellence*, 2001.
3. George Chryssolouris, *Manufacturing Systems : Theory and Practice*, Springer, 1992.

Rujukan

1. T.B. D'Orazio, 2004, *Programming in C++: Lessons and Applications*, International Edition, McGraw Hill, ISBN 0-07-119453-3
2. J. R. Hanly, 2002, *Essential C++ for Engineers and Scientists, 2nd Edition*, Addison Wesley, ISBN 0-201-74125-3
3. E. Nagler, 2004, *Learning C++ a Hands-On Approach, 3rd Edition*, Thomson, ISBN 0-534-38966-X

Statistik & Kebarangkalian (BACS 2213)

Objektif

1. Memahami hubungan antara statistik dan kaedah saintifik dan bagaimana ia di gunakan dalam semua bidang IT dan kejuruteraan
2. Memperkenalkan kepada pelajar tentang bagaimana statistik digunakan untuk menyelesaikan masalah kejuruteraan yang sebenar
3. Memberi pendedahan tentang perisian statistik yang boleh membantu dalam memperluaskan penggunaannya.
4. Menyelesaikan masalah statistik menggunakan perisian statistik
5. berkebolehan mengira dan menyampaikan maklumat statistik kepada orang ramai

Sinopsis

Asas analisis statistik. Persembahan dan penerangan data. Teori kebarangkalian. Membuat anggaran. Agihan sampel. Uji hipotesis, varians dan perbandingan. Korelasi mudah lurus dan regresi. Penggunaan dalam amalan kejuruteraan.

Rujukan

1. *Applied Statistic and Probability for Engineers*, 3rd edition, Douglas C. Montgomery, George C. Runger, John Wiley
2. *Applied Statistics for Engineers and Scientist*, David Levine, Prentice Hall
3. *Probability and statistics for Engineers and Scientist*, 7th edition, Walpole, Prentice Hall

6.5.2 Tahun 2

6.5.2.1 Wajib Universiti

Ko-Kurikulum II (BACW 2321)


Objektif

- (e) Melahirkan graduan yang aktif dan berwibawa dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.
- (f) Menanamkan semangat jati diri dan ketahanan pada diri pelajar.
- (g) Mewujudkan semangat kerjasama dalam mengurus, merancang dan melaksanakan aktiviti.
- (h) Membina kepimpinan diri pelajar.



Objektif

- (a) Menggalakkan persefahaman bersama dan hormat antara rakyat Malaysia
- (b) Melahirkan dan mengukuhkan semangat jati diri Malaysia.
- (c) Melahirkan para siswazah yang berfikiran luas dan berpandangan global.
- (d) Melahirkan bangsa Malaysia yang bertamadun tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan yang universal, luhur dan murni.



Sinopsis

Subjek ini membincangkan tentang inti pati tamadun, pandangan dunia dan nilai terutamanya tamadun India, Cina, dan Jepun serta tamadun melayu di Malaysia. Pada masa yang sama ia merangkumi cabaran yang dihadapi oleh Tamadun Islam dan Tamadun di Asian dalam era globalisasi dan di masa hadapan

Rujukan

1. A. Aziz Deraman, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
2. Al Attas., Syed Mohd. Naquib, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan, Melayu*, Penerbit UKM, 1972.
3. Azhar Hj. Md. Aros et. al., *TITAS Kertas 2*, Penerbit Fajar Bakti, 2000.

Objektif

- (a) Boleh menulis dan melaporkan laporan penyelidikan teknikal menggunakan format dan kaedah yang diajar
- (b) Mengenal pasti jenis-jenis dan format laporan teknikal

Sinopsis

Kursus ini menumpukan kepada pengisian dan ia bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran bahasa yang diperlukan untuk menghasilkan laporan penyelidikan teknikal. Ia menekankan kepada kemahiran menulis secara umum, dan penulisan laporan secara terperinci. Selain dari itu, ia memperkenalkan pelajar kepada asas kemahiran melaporkan atau membuat persembahan laporan. Kursus ini direka bagi memberi kemahiran yang bersesuaian kepada pelajar tentang kemahiran menulis laporan dalam memenuhi permintaan industri.

Rujukan

1. Davies J. W., *Communication Skills*, Pearson: London, 2001
2. Finkelstein L.J., *Pocket Book of Technical Writing for Engineers and Scientists – Second edition*, McGraw Hill: New York, 2005
3. Ingre D., *Survivor's guide to technical writing*. South-Western Thomson: New York, 2003

6.5.2.2 Teras Fakulti

Terma-Bendalir (BMFG 2813)

Objektif

Memperkenalkan kepada pelajar pengetahuan asas termodinamik dan mekanik bendalir, bermula dari takrif asas hingga kepada penggunaan berbagai jenis enjin haba dan pam haba. Keseimbangan tenaga diberi penekanan di sini. Mekanik bendalir akan diperkenalkan kepada pelajar yang mana dari teori asas hingga kepada prinsip kejenteraan hidraulik dan peranti pneumatik.

Sinopsis

Ulangkaji asas termodinamik, sifat termodinamik, proses alir dan tak alir, kitar Carnot, kitar Rankine termasuk panas semula dan jana semula. Kitar gas enjin, turbin gas mudah dengan panas semula, pendinginan antara dan penukar haba. Pemampat udara dan pengembang. Loji stim. Pam haba dan penyejukan, kriteria prestasi. Nozel. Psikrometri, Komponen pendinginan udara, Penukaran tenaga. Prinsip asas mekanik bendalir. Bendalir statik. Daya pad permukaan, keapungan dan keseimbangan, Persamaan keterusan, tenaga dan momentum. Penggunaan kepada masalah kejuruteraan mekanikal. Aliran luar dan dalam paip. Ukuran aliran dan dorongan jet. Analisis dimensi dan kesamaan fizikal.

Rujukan

1. Michel A. Saad, *Thermodynamics Principles and Practice*, Prentice Hall, 1997.
2. Eastop T.D. & McConkey A.C., *Applied Thermodynamics for Engineering Technologist*, 6th Edition, Longman, 2000.
3. Robert L. Mott, *Applied Fluid Mechanics*, Prentice Hall, 1999.

Bahan Kejuruteraan (BMFB 2212)

Objektif

- (a) Memastikan para pelajar berupaya untuk memahami konsep asas Kejuruteraan Bahan dari segi ikatan antara atom dan struktur hablur, dalam menerangkan sifat bahan.
- (b) Para pelajar diharapkan dapat menganalisis kelakuan bahan yang berbeza-beza agar dapat dikaitkan dengan keperluan pemrosesan.
- (c) Bagi memastikan pemahaman tentang ubah bentuk bahan.
- (d) Kursus ini turut memberikan konsep asas kakisan dan degradasi bahan dan juga pengetahuan asas berkenaan pemilihan bahan bagi tujuan kejuruteraan.

Sinopsis

Pengenalan kepada Sains Bahan & Kejuruteraan. Struktur Atom dan Ikatan Antara Atom. Struktur Pepejal Berhablur. Kecacatan dalam Pepejal. Sifat-sifat Mekanikal Logam. Kehelan dan Mekanisma Pengerasan. Kegagalan. Gambarajah. Bahan-bahan Seramik- Struktur & Sifat-Sifat, Aplikasi dan Pemrosesan Seramik. Bahan-bahan Polimer. Bahan Komposit. Kakisan & Degradasi Bahan. Pemilihan Bahan & Pertimbangan Reka Bentuk.

Rujukan

1. Callister, W.D. *Materials Science & Engineering: An Introduction*. Fifth Edition. New York: John Wiley, 2000
2. Smith., W.F., *Principles of Materials Science and Engineerings*. Third Edition Singapore: McGraw-Hill, 2004.
3. James F. Shackelford. *Introduction to Materials Science for Engineers*. Sixth Edition. Maxwell Macmillan Int. Editions, 2005

Instrumentasi & Kawalan (BMFA 2423)

Objektif

Bagi memperkenalkan kepada pelajar asas kejuruteraan kawalan dan teknik pengukuran. Ini perlu kerana merupakan asas kepada pengajian yang lebih tinggi seperti automasi peralatan dan mesin terkawal komputer seperti mesin CNC. Bagi teknik pengukuran pula, pelajar akan didedahkan kepada peralatan pengujian dan pentauliahan produk prototaip.

Rujukan

1. Nise, Norman S., *Control System Engineering, 3rd Edition*, John Wiley, 2000
2. Dorf R.C., Bishop R.H., *Modern Control Systems, Addison Wesley, 1995*
3. Palm W.J., *Control Systems Engineering*, John Wiley, 1986

Mekanik Gunaan (BMFG 2823)

Objektif

Pelajar dijangka boleh membuat analisis apabila diberi suatu kerangka atau struktur kejuruteraan setelah didedahkan subjek ini. Hal lazim termasuklah beban yang selamat. Bagi jasad yang bergerak, pelajar didedahkan kepada konsep keseimbangan dan getaran. Ini bermakna keadaan statik dan dinamik diliputi dalam mata pelajaran ini.

Dalam subjek struktur juga akan disentuh keadaan di mana beban dikenakan kepada kerangka dan tegasan serta terikan akan dipelajari. Puntiran dan lengkungan juga akan dipelajari di sini.

Sinopsis

Daya vektor. Keseimbangan jasad dalam 2D dan 3D. Sistem daya paduan. Daya dalam kerangka, tiang, mesin dan rasuk. Geseran. Pusat graviti, Sentroid garis, luas dan isipadu.

Kinematik jasad tegar. Gerakan lurus dan melengkung. Translasi. Putaran. Gerakan satah umum dan relatif. Kinetik jasad dan badan tegar. Daya. Jisim. Pecutan, Jisim momen inersia. Prinsip kerja dan tenaga, Tenaga upaya dan tenaga kinetik. Penjimatan tenaga. Kuasa dan kecekapan. Denyutan dan momentum. Gerakan harmonik mudah.

Mekanisme mudah. Kedudukan, halaju dan pecutan daya dinamik. Rekabentuk sesondol dan analisis dinamik. Gear.

Analisis sistem daya dalam 2D dan 3D. Keseimbangan. Struktur. Agihan daya. Tegasan dan terikan. Hubungan tegasan dan terikan, Ricih. Lengkungan dan gabungan tegasan.

Kajian rasuk, tiang, silinder dan puntiran
Bulatan Mohr. Analisis dan meramal tegasan berdasarkan tegasan, terikan, ricih, momen dalam rekabentuk rasuk. Analisis plat rata. Penumpuan tegasan, pecahan, lesu dan tegasan sentuh.

Sinopsis

Kajian prinsip penukaran tenaga. Kajian transduser, binaan dan analisis operasi. Pengguna dan kawalan mesin berputar. Mesin DC, mesin C, aruhan poli-fasa dan motor fasa satu.

Pemodelan sistem fizikal. Transformasi Laplace. Susunan pengawalan. Spesifikasi prestasi dalam ruang dan masa mod frekuensi. Keseimbangan Routh-Hurwitz, Plot Bode and Nyquist. Gambarajah polar-sifar. Plot root-lokus.

Kawalan PID. Konsep kawalan digital untuk teknik reka bentuk sistem kawalan

Teknik pengukuran suhu, tekanan, aliran jisim, kepekatan dan campuran, kadar pemindahan haba, nilai kalori, kelikatan, keberaliran terma dan pekali penyusupan. Teknik aliran visual. Rekod dan menjalankan uji kaji. Alatan pengukuran: perakam automatik, penukar analog kepada digital.

Rujukan

1. Meriam, J.L.; Kraige, L.G; Engineering Mechanics: Statics, 4th Edition, Wiley & Sons; 1997;
2. Meriam, J.L.; Kraige, L.G; Engineering Mechanics: Dynamics, 4th Edition, Wiley & Sons; 1998
3. Beer, F.P; Johnston, E.R; Mechanics for Engineers: Statics, 4th Edition, McGraw Hill; 1987

Rekabentuk Mesin (BMFR 2123)

Objektif

Memberi pengetahuan asas prinsip-prinsip rekabentuk. Pengetahuan yang diberi akan diguna semasa melakukan rekabentuk dalam bentuk penghitungan dan membuat analisis beberapa komponen atau elemen mesin yang direka.

Sinopsis

Pengenalan kepada prinsip rekabentuk. Pengenalan kepada rekabentuk mesin dan struktur. Lukisan dan susun atur mesin. Asas gear, sesondol, pengikat, spring, sambungan. Keperluan kemasan permukaan.

Reka bentuk untuk ketegaran, kekuatan dan keupayaan. Sentuhan permukaan. Hakisan dan pelinciran. Tolerance dan fit. Reka bentuk dan pemilihan elemen seperti aci, bol, kimpalan, galas, brek dan pegas.

Rujukan

1. R.L.Mott, Machine Elements in Mechanical Design, 4th Edition, Prentice Hall, 2004
2. M.F. Spotts and T.E Shoup, Design of Machine Element, 7th Edition, Prentice Hall, 1988
3. B.J. Hamrock, B. Jacobson, S.R.Schmid, Fundamentals of Machine Elements, McGraw-Hill International Editions, 1999

Kuasa Bendalir (BMFA 2443)

Objektif

Memberi pendedahan cara kerja dan prinsip peralatan hidraulik dan pneumatik yang lazim ditemui dalam kilang dan logi pemprosesan. Kedua-dua perkakasan dan perisian akan diliputi dalam mata pelajaran ini. Pengaturcaraan mudah dan mengenal pasti komponen adalah salah satu keperluan asas untuk kajian yang lebih lanjut dalam sistem pembuatan dan pemprosesan.

Sinopsis

Pengenalan. Peranti lazim seperti tansistor, penguat operasi dan logik keadaan-pepejal. Ciri, penggunaan dan kawalan motor, penjana dan transformer. Sistem kawalan I/O. Kawalan arah dan tekanan. Kawalan aliran. Simbol dan lukisan skematik. Teori dan operasi sistem kawalan logik. Relay. Pengawal logik boleh program. Litar elektronik. Sistem gelung tutup dan buka. Penjana dan penggunaan kuasa elektrik (AC dan DC).

Rujukan

1. Anton Heln, *Fluid Power Handbook, Plant Engineering Volume 1, System, Design, Maintenance and Trouble Shooting*, 1999.
2. Anton Heln, *Fluid Power Handbook, Plant Engineering Volume 2, System Application and Components*, 1999.
3. James A. Sullivan, *Fluid Power: Theory and Applications*, Prentice Hall, 1997.

Kaedah Berangka (BACS 2222)

Objektif

Pelajar diberi pendedahan kepada kaedah alternatif kepada penyelesaian secara analitik iaitu penyelesaian secara berangka. Ini merupakan kaedah anggaran yang mana komputer digunakan secara meluas untuk menjana hasil penghitungan. Pelajar dijangka boleh menghasilkan rutin komputer yang mudah setelah didedahkan kepada kaedah berangka ini.

Sinopsis

Pengenalan. Penyelesaian persamaan tidak lurus, penyelesaian persamaan serentak. Penghampiran lengkung. Penyelesaian masalah nilai-Eigen. Interpolasi. Kebezaan, Kamiran. Penyelesaian persamaan kebezaan separa. Teori hukum Simpson, Penghampiran Trapezoidal. Pendaraban matriks. Penghapusan Gaussian. Algoritma komputer dan persembahan pengaturcaraan menggunakan FORTRAN dan MathCAD.

6.5.2.3 Teras Program

Proses Pembuatan I (BMFS 2513)

Objektif

- Pelajar akan melihat secara keseluruhan berkenaan aktiviti pembuatan
- Pelajar akan memahami proses penubuhan dan pembentukan melalui aplikasi dan peralatan dan mesin yang berkaitan
- Pelajar akan memahami dan mendapat idea berkenaan proses pengasingan bahan termasuk kaedah pemotongan metal dan peralatan serta mesin yang berkaitan
- Mengklasifikasikan, mengenal pasti dan dapat menghubungkan proses-proses pembuatan
- Dapat membuat cadangan reka bentuk yang bermutu dalam usaha memperbaiki bahagian komponen pembuatan
- Mengenal pasti ciri-ciri dan kebolehan perbagai proses pembuatan supaya cadangan boleh dibuat berkenaan proses yang terbaik digunakan dalam pembuatan perbagai bahagian komponen

Sinopsis

Jurutera Pembuatan perlu ada asas pengetahuan yang kuat dalam perbagai proses pembuatan. Dalam subjek ini, pelajar akan didedahkan kepada pengenalan umu aktiviti-aktiviti pembuatan seperti proses reka bentuk, pemilihan bahan, proses pembuatan dan lain-lain. Pelajar akan diberi pemahaman yang dalam berkenaan proses pembuatan dan pembentukan metal, powder metal, seramik, gelas, *superconductor*, plastik dan bahan komposit. Pelajar juga akan memahami asas pemotongan, bahan alat pemotongan dan bendalir pemotongan. Proses mesin yang digunakan bagi menghasilkan bentuk bulat seperti operasi *lathe, boring, drilling, reaming dan tapping*. Proses mesin yang digunakan bagi perbagai bentuk seperti *milling, planing, haping, broaching, sawing dan filling*.

Rujukan

- Steven C. Chapra and Raymond P. Canale, Numerical Methods for Engineers with Programming and Software Applications, 4th ed, McGraw Hill Book Co.
- John H. Methews and Kurtis D. Fink, Numerical Methods Using Matlab, 3rd Ed, Prentice Hall Inc.
- Bahrom B. Sanugi, Analisis Berangka, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Rujukan

1. Kalpakjian, S, *Manufacturing Processes and Technology*, Prentice Hall, 4th. Edition, 2001
2. R. Timmg, M. Tooley, *Basic Manufacturing*, 2nd Edition, Newnes, 2001
3. B.W. Niebel, A.B. Draper, R.A. Wysk, *Modern Manufacturing Process Engineering*, McGraw Hill, 1989

Kejuruteraan Industri (BMFP 2513)

Objektif

- (a) Pelajar berupaya untuk merekabentuk, menganalisa, melaksanakan dan mengawal sistem bersepadu bagi sumber industri seperti pekerja, bahan, peralatan dan informasi.
- (b) Pelajar berupaya untuk mengenalpasti dan menggunakan sumber secara efisien.
- (c) Pelajar berupaya melakukan kajian kerja yang melibatkan masa, keseimbangan dan produktiviti.
- (d) Pelajar didedahkan kepada teknik perancangan pengeluaran dan konsep inventori.

Sinopsis

Pengenalan kepada Kejuruteraan Industri; Sistem Perancangan; Pengeluaran; Perancangan Kemudahan; Perancangan Keperluan Bahan; Pengurusan Projek; Pengukuran Kerja; Teknik Ramalan; Pengurusan Baris Menunggu; Teknik Penjadualan; Kawalan Inventori; Sistem Kawalan Pengeluaran.

Rujukan

1. Turner C. W., Mize H. J., Case E. K. and Nazemetz W.J., (1993), 3rd Edition, *Introduction to Industrial and Systems Engineering*, Prentice Hall International, Inc.
2. James A. Tompkins, John A. White, (1996), 2nd Edition *Facilities Planning*, John Wiley & Sons.
3. Krawjewski J.L. and Ritzman P. L., (2002), 7th Edition, *Operations Management: Processes Value Chains*, Prentice Hall International Series.

Proses Pembuatan II (BMFS 2523)

Objektif

- (a) Membolehkan pelajar mendapat pemahaman yang mendalam tentang proses pembuatan yang asas dan sistem yang banyak terdapat di industri
- (b) Menerap kemahiran bagi merancang dan mereka bentuk proses pembuatan
- (c) Memberi pemahaman berkenaan proses yang digabungkan dan peralatan seperti *welding*, *brazing*, *soldering*, *adhesive bonding* dan *mechanical fastening*.
- (d) Baik. Memberi pemahaman berkenaan proses *metal casting* dan peralatannya
- (e) Memberi pengetahuan asas berkenaan teknologi yang terkini dan berkaitan

Sinopsis

Pelajar akan memahami pengenalan umu tentang aktiviti pembuatan seperti proses reka bentuk, pemilihan bahan dan proses pembuatan. Pelajar akan mendapat pengetahuan berkenaan proses dan peralatan yang digabungkan seperti *welding*, *brazing*, *soldering*, *adhesive bonding* dan *mechanical fastening*. Selain dari itu, mereka akan mempelajari proses *Metal Casting*, *design consideration* dan *economic of casting*. Pelajar juga akan mempelajari dan didedahkan kepada teknologi *surface*.

Rujukan

1. S. Kalpakjian, S.R. Schmid, *Manufacturing Engineering and Technology*, 4th Edition, Prentice Hall, 2001
2. *Tool And Manufacturing Engineer's Handbook*, Desk Edition, Society of Manufacturing Engineers, 1989
3. B.W. Niebel, A.B. Draper, R.A. Wysk, *Modern Manufacturing Process Engineering*, McGraw Hill, 1989

Kualiti dan Kebolehpercayaan (BMFP 2522)

Objektif

- (a) Pelajar diberi pendedahan kepada konsep asas Kualiti, Kawalan Kualiti dan tokoh-tokoh Kualiti (*Quality Guru's*).
- (b) Meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pelajar terhadap siri ISO 9000, Sistem Jaminan Kualiti, Konsep Bulatan Kualiti (*Quality Circle*), Sistem KAIZEN dan Sistem KANBAN.
- (c) Pelajar berkeupayaan menyelesaikan masalah kualiti produk dan proses melalui penggunaan kaedah penyelesaian dalam Statistik Kawalan Kualiti (SQC) dan Statistik Kawalan Proses (SPC).
- (d) Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep dan aplikasi *Sig Sigma*, *Quality Function Deployment (QFD)* dan *Design Of Experiment (DOE)* dalam melakukan penilaian produk dan membuat keputusan.

Sinopsis

Konsep Kualiti dan Kebolehpercayaan; Tokoh – tokoh Kualiti; Kawalan Kualiti; siri ISO 9000; Sistem Jaminan Kualiti; Bulatan Kualiti; Kecacatan Sifar; Sistem Kanban dan Kaizen; Carta Kawalan; Teknik Kawalan Kualiti Statistik(SQC); Statistik Kawalan Proses(SPC); Kaedah Persampelan; Analisis Statistik; Rekabentuk Faktorial; Pengenalan kepada rekabentuk dua dan tiga tahap; Analisis Kesan dan Cara Kegagalan. Pelan Ujian Kebolehpercayaan; Konsep Pembahagian Fungsi Kualiti(QFD); Konsep *Sig Sigma*; Konsep Rekabentuk Ujikaji(DOE).

Rujukan

1. Amiyata Mitra, (1998), 2nd Edition, *Fundamentals of Quality Control*, 2nd Edition, Prentice Hall.
2. Dale H. Besterfield, (2004), 7th Edition, *Quality Control*, Prentice Hall.
3. Douglas C. Montgomery, (2000), *Design and Analysis of Experiments*, John Wiley and Sons, Inc.,

6.5.3 Tahun 3

6.5.3.1 Wajib Universiti

Komunikasi dan Persembahan Projek (BMFG 3912)

Objektif

- (a) Pelajar menguasai kemahiran komunikasi dan latihan secara berkesan.
- (b) Pelajar berkebolehan menggunakan teknik persembahan projek dengan baik.
- (c) Pelajar memiliki sikap yang positif, berbudaya ilmu, yakin diri, ketampilan dan kebolehan berkerja di dalam situasi kumpulan bagi tujuan perbincangan dan penyelesaian masalah.
- (d) Pelajar berupaya menggunakan kemahiran komunikasi yang ada secara berkesan untuk keperluan kerjaya, organisasi dan masyarakat.

Sinopsis

Pengenalan kepada Komunikasi; Kemahiran Berfikir dan Persepsi; Konsep Kendiri; Kemahiran Lisan & Bukan Lisan; Kemahiran Mendengar; Kemahiran Mengendalikan Mesyuarat; Kemahiran Komunikasi dalam Perundingan; Kemahiran Pengucapan Awam; Kemahiran Komunikasi dalam Pengurusan Konflik; Komunikasi dalam Pengiklanan & Pemasaran.

Rujukan

1. De Vito, J.A., (2004), *The Interpersonal Communication Book*, Pearson.
2. Adbullah Hassan, Aion Mohd, (1997), *Komunikasi Untuk Pemimpin*, Utusan Pubs..
3. Goldhaber. G.M., (1998), *Organizational Communication*, Boston Allyn & Bacoh.

6.5.3.2 Teras Fakulti

Pemproses Mikro (BENC 3113)

Objektif

Pada akhir kursus, pelajar akan memahami pengetahuan asas sistem pemproses mikro yang menurus kepada aspek berikut:

- i. Memahami konsep asas dan arkitektur pemproses mikro
- ii. Membangunkan program dengan bahasa 'assembly' bagi aplikasi pemproses mikro
- iii. Menganalisa operasi antara pemproses mikro dengan alat 'input/output interfacing'

Sinopsis

Matapelajaran ini membekalkan pelajar dengan pengenalan teori dan Amali berkenaan pemproses mikro dan alat-alat penyokong yang digunakan dalam merekabentuk alat-alat yang mempunyai asas pemproses mikro yang kebanyakannya didapati pada pengguna dan industri elektronik. Sesi-sesi berorientasikan Amali akan diberikan menggunakan simulator ABCreation 8085 dan Com3Lab equipment.

Rujukan

1. Charles M. Gilmore, *Microprocessors: Principles and Applications*, McGraw-Hill
2. Ramesh S. Gaonkar, *Microprocessor Architecture, Programming and Applications with 8085*, 4th Edition, Prentice Hall, 1999.
3. Barry B. Brey, *The Intel Microprocessor*, 6th Edition, Prentice Hall, 2003

Teknologi Mesin Peralatan (BMFS 3363)

Objektif

Mendedahkan pelajar dengan prinsip dan kaedah asas operasi peralatan mesin termasuk kerjaya di dalam sektor pembuatan, sejarah peralatan mesin, keselamatan, bahan, perancangan proses pembuatan, pengukuran, Plan peraturan peralatan, prinsip pemotongan besi, 'bench' dan peralatan tangan, 'power saws', 'drill press' dan mesin 'abrasive'.

Memperkenalkan teori dan Amali pemesinan, pemotongan dan pemasangan 'dies', acuan, jig dan lekapan. Kuliah akan dibantu oleh wakil industri yang berpengalaman luas.

Sinopsis

Applikasi mesin peralatan secara mekanikal, elektrik, hidraulik dan pneumatik. Struktur dan kawalan mesin peralatan bearing dan slide ways. Kes studi yang terperinci tentang enjin *lathe*, *turret lathe*, mesin *milling*, mesin *grinding*, *gear-shaping* dan mesin *gear-hobbing*. Pemasangan dan uji terima mesin peralatan bagi Mesin EDM.

Rujukan

1. Steve F. Krar and William Oswald, (1995), 4th Edition, *Technology of Machine Tools*, McGraw Hill
2. Richard R. Kibbe, (2002), *Machine Tool Practices*, Prentice Hall.
3. Kalpakjian S., (1987), *Manufacturing Engineering and Technology*, Addison-Wesley

6.5.3.3 Teras Program

JABATAN PROSES PEMBUATAN

Teknologi Alat CNC (BMFS 3373)

Objektif

Memberi pemahaman kepada pelajar berkenaan sistem CNC. Pelajar akan dapat menghasilkan produk menggunakan mesin yang dikawal secara automatik. Pengatur caraan arahan mesin dan permodelan produk adalah fokus utama.

Sinopsis

Teori dan aplikasi bahasa N/C berbantu komputer dengan pengaturcaraan dan postprocessor yang sesuai. Kaedah pengaturcaraan, set-up dan operasi kawalan berangka mesin, menekankan sistem lathe dan milling. Pengaturcaraan sistem kawalan pergerakan berterusan dan *point-to-point* menekankan kepada proses dan prosedur pengasingan metal. Peralatan mesin CNC dan alat kawalan. Kawalan mesin CNC. Mesin pengukuran koordinasi. Pengaturcaraan CNC. Reka bentuk bagi pembuatan CNC.

Alat Pengeluaran (BMFS 3343)

Objektif

Pelajar akan diperkenalkan kepada teknik pengeluaran dan diajar tentang bagaimana mereka bentuk peralatan yang diperlukan. Pelajar perlu tahu bagaimana mereka bentuk dan mengeluarkan peralatan yang diperlukan bagi tujuan pengeluaran besar.

Sinopsis

Mereka bentuk dan menghasilkan *fixtures, jigs, templates*, dan peralatan industri yang tertentu bagi tujuan pembuatan. Memperkenalkan konsep kejuruteraan *Concurrent*, reka bentuk peralatan, ering, tool design, reka bentuk padanan, peralatan *presswork*, dan reka bentuk kimpalan. Ia juga termasuk reka bentuk asas *soft gauge* dan pengukuran, proses penghasilan, peralatan dan proses assembly.

Rujukan

1. *Fundamental of Tool Design*, 3rd edition, Society of Manufacturing Engineers, 1995
